## Info risalah tidak tepat

MS 3



## Minions di Butterworth, JOM!

MS 14 +15



PERCUMA

buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

1 – 15 JULAI, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Maimunah, Rozali terajui MBPP, MPSP

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN & AHMAD ADIL MUHAMAD**



**MAIMUNAH Mohd. Sharif.**

**GEORGE TOWN –** Dato' Maimunah Mohd. Sharif dilantik sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baharu, manakala, Sr. Rozali Mohamud, Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berkuatkuasa 1 Julai 2017.

Turut dilantik, Ir. Rosnani Mahmud sebagai Setiausaha Perbandaran MPSP yang baharu.

Sejurus majlis rasmi pelantikan, ketiga-tiga individu berkaitan berikrar akan terus menerajui MBPP dan MPSP berlandaskan visi negeri Pulau Pinang.

Maimunah memberitahu, beliau berikrar akan membawa MBPP ke arah menjadikan negeri ini sebuah bandar yang lebih bersih dan pintar.

Bagi menjayakan hasrat tersebut, beliau menyatakan bahawa terlebih dahulu perlu melihat kepada beberapa perkara sebelum boleh melaksana dan melakukan penambahbaikan terhadap pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

"Untuk menjalankan tugas ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar yang bersih, hijau, sihat dan selamat, saya perlu melihat kepada penyampaian perkhidmatan yang terdapat di MBPP, proses-proses untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan serta (melihat) kepada Tatacara Operasi Standard (SOP) sedia ada.

"Malah, bagaimana proses menjalankan perkhidmatan dan pembuatan keputusan juga perlu diteliti.

"Juga... impian Kerajaan Negeri dan Ketua Menteri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya pintar adalah memerlukan kerjasama daripada semua pihak sebagai satu pasukan.

"Saya akan melihat bagaimana saya boleh merancang dan merangka visi ke arah matlamat tersebut," jelasnya ketika diajukan soalan berkenaan visinya sebagai Datuk Bandar baharu di sini baru-baru ini.

Penyerahan watikah pelantikan berkenaan disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama menyaksikan Upacara Pengakuan Menerima Jawatan Sebagai Datuk Bandar MBPP ialah Yang di-Pertua (YDP) Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang, Timbalan Ketua Menteri I dan Timbalan Ketua Menteri II, barisan Exco Kerajaan Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.



**SR. Rozali Mohamud.**

Maimunah yang sebelum ini merupakan YDP MPSP bukanlah seorang yang asing di dalam pentadbiran MBPP, kerana beliau merupakan bekas Pegawai Perancangan Bandar dan Desa MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) pada tahun 1985 hingga 2003 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Perancangan Pembangunan MPPP (2003) dan Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI).

Dalam pada itu, Guan Eng dalam ucapannya yakin bahawa dengan pengalaman luas, pencapaian dan pengiktirafan dimenangi MPSP sebelum ini iaitu di bawah kepimpinan Maimunah, MBPP (di bawah kepimpinan beliau kini) juga mampu terus cemerlang di masa hadapan.

"Pulau Pinang kini merupakan negeri ketiga bersih di Malaysia selepas Terengganu dan Perak.

"Tetapi... kita (Pulau Pinang) yakin mampu jadi lebih bersih sekiranya setiap isi rumah dan warga negeri menjalankan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca.

"Ini merupakan KPI (Petunjuk Prestasi Utama) kepada beliau untuk menjadikan Pulau Pinang lebih bersih selepas ini, selain memastikan ekonomi Pulau Pinang terus rancak," ujarnya.

*(Bersambung di muka 2).*



**IR. Rosnani Mahmud menandatangani surat pelantikan beliau.**

# Rozali, beri perhatian 12 keutamaan tingkat mutu perkhidmatan

**SEBERANG JAYA -** Sr. Rozali Mohamud baru-baru ini mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baharu di hadapan Ketua Menteri serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Seberang Jaya di sini.

Bercakap kepada pemberita, Rozali memberitahu, salah satu fokus pentadbirannya selepas ini adalah memperluaskan kerja-kerja pembersihan ke kawasan kampung dan desa.

"MPSP telah mengadakan dialog bajet pada 13 Mei 2017 sebagai menyediakan bajet tahun 2018, dan di situ penduduk masih meletakkan keutamaan kepada pembersihan.

"Selaras dengan hasrat Y.A.B. Ketua Menteri sendiri, mengenai keutamaan kebersihan ini, saya akan memperluaskan kerja-kerja pembersihan ini ke kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung baru, terutamanya daripada segi pemotongan rumput dan pembersihan longkang-longkang," ujarnya kepada pemberita selepas Majlis Penerimaan Jawatan YDP MPSP.

Rozali memberitahu, pentadbirannya akan memberi perhatian kepada 12 keutamaan demi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan MPSP.

Dalam perkembangan lain, beliau turut merakamkan penghargaan kepada mantan YDP MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif yang dilantik secara rasmi sebagai Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Rozali dalam pada itu turut merakamkan penghargaan atas pelantikan Ir. Rosnani Mahmud sebagai Setiausaha Perbandaran MPSP yang baharu.

Sebelum itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap merakamkan penghargaan apabila kadar kitar semula MPSP sehingga bulan Disember 2016 adalah kira-kira 42.6 peratus, iaitu rekod tertinggi berbanding pihak berkuasa tempatan (PBT) lain di tanah air ini.

Menurut kajian *Penang Institute* (PI), katanya, penduduk Seberang Perai berjaya menurunkan beratan pengeluaran sisa per kapita dari 1.6 kilogram (kg) sehari kepada 1.3 kilogram sehari bagi setiap orang.

"Ini merupakan angka penurunan 19 peratus pada tahun 2016 berbanding 2015.

"Peningkatan kadar kitar semula dan penurunan penghasilan sampah per kapita sehari hasil daripada kajian *Penang Institute* ini menunjukkan kejayaan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca," jelasnya sambil menggesa pentadbiran Rozali terus mengutamakan aspek pembersihan sebagaimana respons penduduk Seberang Perai dalam Dialog Bajet MPSP 2018 baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; barisan Exco Kerajaan Negeri; beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Maimunah sendiri turut menyaksikan istiadat majlis angkat sumpah tersebut.

Berikut adalah 12 Fokus Utama pentadbiran YDP MPSP baharu:

1. Pembersihan - perkhidmatan pemotongan rumput dan pembersihan longkang akan diperluaskan ke kampung-kampung;
2. Memperbanyakkan '*Pocket Park*';
3. Cadangan menaik taraf perbandaran kepada bandar raya rendah karbon menjelang tahun 2022;
4. Menyediakan Pelan Strategik 2018 - 2022;
5. Mempergiat pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca;
6. '*Bike Friendly Community*';
7. *Local Economic Development* - Memberi latihan pembuatan barangan '*up-cycle*';
8. Menjadikan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan melalui seminar;
9. Mempergiatkan garis panduan '*car wash*', kedai jualan kereta, '*food truck*' dan '*service truck*';
10. Menyediakan garis panduan pemutihan kilang haram;
11. Menyediakan garis panduan warisan Seberang Perai; dan terakhir
12. Mewujudkan '*Smart Cities*' melalui BDA, IoT, '*Open Data*', '*Cloud Computing*' dan GIS.



**PENYERAHAN tugas secara rasmi daripada Maimumah Mohd. Sharif kepada Sr. Rozali Mohamud sambil disaksikan Ketua Menteri.**




Oleh: **ME**

# Bina 16,569 rumah, Exco dakwa risalah rasmi Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang tidak tepat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**



**JAGDEEP Singh Deo menunjukkan risalah rasmi Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang pada sidang media di sini baru-baru ini.**



KONONNYA...

| Rumah Mampu Milik Bagi Isi Rumah Berpendapatan Rendah | Kementerian / Agensi | Unit Rumah | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Siap | Pembinaan | Jumlah |
| Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) | Perbadanan PR1MA Malaysia | - | 16,569 | 16,569 |

FAKTA SEBENAR:

Sejak penggubalan Akta Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) pada tahun 2012

Permohonan dikemukakan:

Batu Feringghi, DTL (26 Ogos 2015)
Tasek Gelugor, SPU (11 Disember 2015)
Bukit Gelugor, DTL (19 Februari 2016)
Balik Pulau, DBD (28 Mac 2016)

Jumlah: 4 permohonan

Permohonan diluluskan:

Bukit Gelugor, DTL (11 Oktober 2016)
Batu Feringgi, DTL (22 November 2016)

Jumlah: 2 permohonan

Permohonan ditolak:

Perbadanan PR1MA Malaysia telah mengemukakan hanya satu permohonan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Perlingkungan Semula daripada Zon Pertanian dan Padang Golf kepada Zon Perumahan Am untuk Rumah Mampu Milik menggunakan densiti 60 unit / ekar di atas Lot 199, 200, 304, 332, 348, 362 & 364, Mukim 8, Kuala Sungai Pinang, DBD, Pulau Pinang pada 28 Mac 2016.

Pemajuan ini melibatkan penyediaan 6,736 unit rumah berkeluasan 800 hingga 1,000 kaki persegi pada harga **RM190,400 hingga RM390,000** seunit dan 3,168 unit rumah berkeluasan 1,100 hingga 1,200 kaki persegi yang berharga **RM467,500 hingga RM510,000.**

Pemajuan ini juga mengandungi **29 blok** dan mencecah sehingga **27 tingkat**, secara langsung tidak menghiraukan Garispanduan Perumahan di kawasan Balik Pulau yang menghadkan ketinggian bangunan kepada 16 tingkat.

Jumlah pembinaan:
0 unit

Jumlah:
0 unit

**PENJELASAN sebenar.**

**GEORGE TOWN** – Jagdeep Singh Deo mendakwa bahawa risalah rasmi Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang yang melaporkan sejumlah 16,569 unit rumah mampu milik (RMM) bawah program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dalam proses pembinaan di negeri ini adalah tidak benar sama sekali.

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan itu, kedua-dua projek pembinaan kediaman yang dipohon oleh Kerajaan Persekutuan di bawah PR1MA sebelum ini pun sehingga kini masih belum mula dibina di Pulau Pinang.

"(Projek pembinaan 16,569 unit kediaman di Pulau Pinang) ini adalah langsung tidak benar.

"Kalau (projek pembinaan 16,569 unit kediaman di Pulau Pinang) ini langsung tidak benar, saya ingat apa dalam buku ini langsung tidak boleh dipercayai," tegasnya dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri di sini 16 Jun lalu.

Menurut Jagdeep, sehingga kini, hanya empat permohonan untuk pembinaan PR1MA diterima Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri, iaitu di Batu Feringghi pada 26 Ogos 2015, Tasek Gelugor (11 Disember 2015), Bukit Gelugor (19 Februari 2016) dan Balik Pulau (28 Mac 2016).

"Daripada empat (projek Kerajaan Persekutuan) itu, cuma dua sahaja telah diluluskan, iaitu di Bukit Gelugor untuk pembinaan 905 unit Rumah Mampu Milik (RMM) pada 11 Oktober 2016 dan Batu Feringghi membabitkan sejumlah 1,248 unit (RMM) pada 22 November 2016.

"Permohonan lain dikembalikan kepada pihak PR1MA untuk disemak semula memandangkan ketidakpatuhan terhadap Garis Panduan Perumahan di Negeri Pulau Pinang," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat sambil mengkritik agensi Persekutuan yang menerbitkan risalah perumahan tanpa data informasi yang sebenar.

Selain itu, Jagdeep turut mengkritik Perbadanan PR1MA Malaysia pada 28 Mac lalu memohon pelingkungan semula daripada zon pertanian dan padang golf kepada perumahan am untuk RMM menggunakan densiti 60 unit per ekar di atas Lot 199, 200, 304, 332, 348, 362 dan 364, Mukim B Kuala Sungai Pinang dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Bahang, Balik Pulau.

"Kerajaan Negeri menetapkan had ketinggian di kawasan seperti Balik Pulau, yang mana had ketinggian dibenarkan adalah cuma 16 tingkat dan itupun di kawasan yang tertentu.

"Apa yang mengejutkan adalah pemajuan yang dicadangkan di kawasan tersebut oleh PR1MA adalah untuk 29 blok pangsapuri mencecah sehingga 27 tingkat, yang mana langsung tidak menghiraukan garis panduan yang wujud bagi pembangunan di kawasan Balik Pulau," katanya.

Beliau dalam pada itu turut mencabar pembangkang, khususnya MCA supaya mengemukakan bukti berwajib serta menyatakan pendirian sama ada Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang hari ini lebih menjaga kepentingan penduduk di Balik Pulau berbanding Kerajaan Persekutuan atau sebaliknya.

# Guan Eng anggap media sensasikan isu migrasi penduduk, pelabur ke Perak

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menganggap sebuah akhbar berbahasa Inggeris cuma mensensasikan isu semata-mata apabila penerbitan berkaitan pada 22 Jun lepas menyiarkan berita '*Working in Penang but opting to stay in northern Perak*'.

"Saya berharap surat khabar tersebut dan beberapa akhbar lain, kedua-duanya lihatlah fakta yang sebenar.

"Saya fikir mereka (akhbar berkenaan) cuba cari isu untuk disensasikan sahaja...laporan ini begitu meragukan," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada sidang media di sini baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat turut sertai sidang media itu.

Surat khabar tersebut antara lain melaporkan Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak mendakwa bahawa kos sara hidup yang tinggi di negeri ini mendorong pekerja Pulau Pinang berhijrah mendiami utara Perak.

Turut dilaporkan, Datuk Mohammad Zahir Abdul Khalid mendakwa kilang-kilang di Pulau Pinang mulai ditutup dan pelabur industri dari negeri ini mula berpindah ke Perak.

Mengulas lanjut, **Guan Eng yang juga ADUN Air Putih memberitahu, pelaburan ke Pulau Pinang dalam tempoh tahun 2008 hingga 2016 sejumlah RM59.2 bilion (RM59,229,873,870) adalah menyamai hampir tiga kali ganda, berbanding pelaburan ke Perak dalam tempoh sama sebanyak RM22.2 bilion (RM22,232,235,835) sahaja**. (Rujuk Lampiran A).

"Bagaimana boleh nyatakan bahawa kilang tutup di Pulau Pinang dan berpindah ke Perak...apabila dilihat pada angka, ternyata tidaklah benar," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan sambil mengemukakan data statistik rasmi agensi persekutuan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Guan Eng memberitahu, **Laporan Penyiasatan Migrasi, Malaysia 2016 pula menunjukkan Nisbah Keberkesanan Migrasi bagi tempoh 2015 hingga 2016, yang mana Pulau Pinang mencatatkan nisbah keberkesanan migrasi yang tertinggi, iaitu 58.4 peratus.**

**"Ini bermakna, penduduk Pulau Pinang akan bertambah sebanyak 58 orang bagi setiap 100 migran antara negeri yang berhijrah keluar dan masuk negeri tersebut.**

**"Ini, diikuti oleh Perlis dengan nisbah keberkesanan migrasi 48.6 peratus, iaitu pertambahan 49 orang bagi setiap 100 migran antara negeri yang berhijrah keluar dan masuk negeri tersebut.**

**"Sebaliknya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan nisbah keberkesanan migrasi negatif tertinggi, iaitu 93.4 peratus.**

**"Ini menunjukkan penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkurangan 93 orang bagi setiap 100 migran antara negeri yang berhijrah keluar dan masuk negeri tersebut," jelasnya memetik laporan rasmi tersebut**. (Rujuk Lampiran B).

Bagi Guan Eng, gambaran bahawa penduduk Pulau Pinang ketika ini banyak berhijrah keluar, termasuk ke negeri Perak hanya isu yang disensasikan.

"Ramai orang bekerja di Pulau Pinang, dan mendiami Pulau Pinang.

"Apa yang saya nak sebutkan bahawa laporan berita ini adalah tidak benar sama sekali, jika berdasarkan laporan rasmi tersebut," katanya sambil menasihatkan akhbar berkaitan supaya lebih beretika dalam menyiarkan berita mengenai Pulau Pinang.

Approved Manufacturing Projects by States (2008-2016)

| State | Total (2008-2016) |
|---|---|
| Penang | 59,229,873,870 |
| Perak | 22,232,235,835 |

*(Source: MIDA)*

**Lampiran A : Projek Pembuatan Yang Diluluskan Mengikut Negeri (2008 - 2016).**

**Nisbah Keberkesanan Migrasi**

Bagi tempoh 2015–2016, Pulau Pinang mencatatkan nisbah keberkesanan migrasi positif yang tertinggi iaitu 58.4 peratus. Ini bermakna penduduk Pulau Pinang akan bertambah sebanyak 58 orang bagi setiap 100 migran antara negeri yang berhijrah keluar dan masuk negeri tersebut. Ini diikuti oleh Perlis dengan nisbah keberkesanan migrasi 48.6 peratus, iaitu pertambahan 49 orang bagi setiap 100 migran antara negeri yang berhijrah keluar dan masuk negeri tersebut.

**Carta 7: Nisbah keberkesanan migrasi mengikut negeri, Malaysia, 2015–2016 (%)**




Sebaliknya, W.P. Kuala Lumpur merekodkan nisbah keberkesanan migrasi negatif tertinggi iaitu 93.4 peratus. Ini menunjukkan penduduk W.P. Kuala Lumpur berkurang 93 orang bagi setiap 100 migran antara negeri yang berhijrah keluar dan masuk negeri tersebut.

Laporan Penyiasatan Migrasi, Malaysia, 2016 | 9
*Migration Survey Report, Malaysia, 2016*

**Lampiran B: Nisbah Keberkesanan Migrasi Mengikut Negeri (2015-2016).**

# KM, Hilmi bincang RUU benarkan JKN masuk premis terbiar basmi denggi

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**DATUK KERAMAT -** Hasil pertemuan bersama Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya baru-baru ini, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa beliau ada berbincang berkenaan Rang Undang-undang (RUU) untuk memberi kuasa kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) memasuki premis terbiar yang disyaki menjadi punca kepada wabak denggi.

"Saya juga ada minta Hilmi, kalau boleh luaskan sekali RUU tersebut kepada seluruh pihak berkuasa tempatan (PBT), yang mana undang-undang kini perlu ada kebenaran pihak polis dan sebagainya.

"Proses semasa mungkin mengambil masa lama, takut nanti apabila terlewat, nyamuk tersebut sudah dewasa, membiak lagi dan menggigit lebih ramai orang," ujarnya ketika melawat serta menyampaikan sumbangan kepada keluarga Norseha Salleh, 38, balu kepada Allahyarham Che Abdul Khalil Osman, 57, yang meninggal dunia pada 1 Syawal lalu dekat Hospital Pulau Pinang (HPP).

Mangsa yang menetap di Kampung Dodol di sini dipercayai dijangkiti wabak denggi ketika pulang ke kampung halaman beliau beberapa hari sebelum meninggal dunia.

Sehari sebelum itu, Guan Eng dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri turut menziarahi keluarga seorang pelajar, Allahyarham Mohd. Azrul Mohd. Fikri, 17, di Taman Sungai Ara, Bayan Lepas yang meninggal dunia akibat wabak denggi baru-baru ini. Ziarah tersebut disambut oleh ibu bapa Allahyarham, Mohd. Fikri Hussein, 47, dan Mazsura Ahmad, 43.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika menziarahi Norseha Salleh (tiga dari kanan) di Kampung Dodol di sini baru-baru ini.



MAZSURA Ahmad (kanan) menunjukkan gambar anaknya yang meninggal dunia akibat wabak denggi.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut mengingatkan orang ramai agar seboleh-bolehnya mengelakkan takungan air bersih.

"Kita lihat kawasan ini bersih, di Sungai Ara (merujuk kepada kes Allahyarham Mohd. Fikri) pun bersih, namun aedes masih mampu membiak dan ini disebabkan air bersih bertakung... inilah yang kita rasa aedes 'istimewa' tidak suka air kotor," katanya yang juga ADUN Air Putih.

Tambah Guan Eng, semua pihak diminta supaya lebih berwaspada, termasuk meningkatkan tahap kebersihan di persekitaran tempat tinggal dan kawasan kejiranan.

"Semua keluarga haruslah pastikan kawasan rumah bebas daripada takungan air, dan sekiranya kawasan kejiranan terbiar kosong serta tidak berpenghuni, segeralah maklumkan kepada JKN Pulau Pinang agar tindakan pembersihan dapat dijalankan dengan segera kerana dikhuatiri menjadi tempat pembiakan nyamuk," seru beliau.

Dalam pada itu, Afif memberitahu, kes kematian akibat denggi di Kampung Dodol merupakan kes kesembilan bagi tahun 2017 di negeri ini, berbanding 10 kes pada tahun lalu untuk tempoh masa sama.

*(Rujuk juga muka 22)*

## Rabies, Guan Eng wakili Kerajaan Negeri ucap takziah

**AIR ITAM -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menzahirkan rasa sedih beliau di atas kejadian yang meragut nyawa pasangan adik-beradik akibat wabak anjing gila atau rabies di daerah Serian, Sarawak 4 Julai lalu.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengucapkan takziah kepada keluarga terlibat atas ujian yang menimpa.

Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang faham akan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan berharap perkara tersebut dapat diselesaikan dalam jangka masa singkat.

"Kita (Kerajaan Negeri) faham akan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Sarawak dalam menangani isu ini, dan berharap ianya dapat diselesaikan dalam masa paling singkat.

"Ia merupakan satu ancaman penyakit serius, sama seperti yang berlaku di Pulau Pinang suatu masa dahulu, yang mana Kerajaan Negeri terpaksa mengambil tindakan tegas demi menjaga keselamatan orang awam.

"Pada masa itu, kita (Kerajaan Negeri) bersyukur kerana tidak sampai sebulan selepas tindakan diambil, perkara tersebut telah selesai tanpa ada mana-mana mangsa yang dijangkiti meninggal dunia," ujarnya pada sidang media selepas majlis pembukaan Jalan Empangan Air Itam yang baru siap dinaik taraf di sini baru-baru ini.

Turut serta, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Wong Hon Wai (ADUN Air Itam) dan Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera).

Pada 4 Julai lalu, dua daripada tiga mangsa yang dijangkiti virus rabies telah disahkan meninggal dunia.

Pasangan adik-beradik perempuan berusia 6 tahun dan lelaki 4 tahun masing-masingnya berasal dari Kampung Paon, Sungai Rimau, Serian. Manakala, seorang lagi mangsa dipercayai masih mendapat rawatan rapi di Hospital Umum Sarawak (HUS).

Tambah Guan Eng, apabila membabitkan keselamatan orang awam, Kerajaan Negeri kadang-kala perlu mengambil tindakan tidak 'popular' atau bersesuaian agar rakyat akan merasa selamat.

"Kita harap rakyat Pulau Pinang akan faham sebarang tindakan yang diambil... dan sudah tentulah sebagai Kerajaan Negeri, kita (Pulau Pinang) faham akan tindakan yang diambil oleh negeri-negeri lain apabila sesuatu wabak berlaku," jelasnya.



# Naik taraf Jalan Paya Terubong, Relau jangka minimum risiko banjir

Gambar : **LAW SUUN TING**

**PAYA TERUBONG** – Beberapa langkah penambahbaikan yang dijalankan di Jalan Paya Terubong, Relau di sini dijangka bakal meminimumkan risiko berlakunya banjir kilat di kawasan berkenaan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, penambahbaikan tersebut adalah melibatkan kerja-kerja membina kotak pembentung dan parit konkrit baharu, meningkatkan paras jalan, pelebaran jalan dan menaik taraf parit konkrit serta pembentung sedia ada.

"Ini termasuklah meningkatkan paras jalan dengan ketinggian dua kaki sepanjang 150 meter Jalan Paya Terubong berhadapan Sekolah Kebangsaan Seri Relau, yang mana bahagian jalan kini kerap kali ditakungi air hujan akibat keadaan laluan yang berada di paras rendah.

"Pembinaan kotak pembentung baharu berukuran 1.20 meter (m) x 1.20m di persimpangan Jalan Paya Terubong dan Jalan Kampung Batak, manakala, pembentung sedia ada akan dinaik taraf kepada ukuran 1.50 m x 1.50 m dengan keupayaan lebih tinggi.

"Selain itu, usaha ini juga bakal melibatkan penambahan lorong sedia ada, iaitu empat lorong kepada enam lorong dan pembinaan pembahagi jalan di bahagian tengah jalan," ujarnya ketika melakukan lawatan kerja ke kawasan terbabit baru-baru ini di sini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin; Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang dan wakil syarikat pemaju.

Kerja-kerja pembinaan serta menaik taraf berkenaan adalah membabitkan kos perbelanjaan RM2,705,000 dibiayai pemaju berwajib, Modular Platinum Sdn. Bhd. yang merupakan kos infrastruktur, dan kos berkenaan akan ditolak oleh MBPP apabila projek berkenaan siap kelak.

Kerja-kerja menaik taraf dijangka dimulakan pada 17 Julai 2017 dan dijangka siap sepenuhnya, Julai 2018.



**CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) dan barisan kepimpinan negeri diberi penjelasan berhubung projek penambahbaikan Jalan Paya Terubong, Relau pada lawatan beliau di sini baru-baru ini.**

## Projek lebar jambatan Batu Kawan berimpak besar

**BUKIT TAMBUN -** Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) melaksanakan projek pelebaran Jambatan Batu Kawan dengan kos RM33.5 juta.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek tersebut sekaligus menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dalam menjamin pembangunan seimbang di bahagian Seberang Perai, seperti bahagian pulau.

"Daripada dua lorong dilebarkan kepada enam lorong, itulah jambatan ini memberi kesan yang besar," jelasnya pada Majlis Pengumuman Pelancaran Projek Pelebaran Jambatan Di Batu Kawan dan Penarafan Jalan Bukit Tambun di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud dan Penasihat Strategik Kepada Ketua Menteri, Datuk Saifuddin Nasution Ismail.

Justeru, Guan Eng berharap projek pembangunan tersebut akan meningkatkan lagi keterhubungan (*connectivity*) antara kawasan sekitar Parlimen Batu Kawan.




《水手》
A Sailor's Tale
28 JUL - 3 SEP 2017
www.georgetownfestival.com
GEORGE TOWN FESTIVAL
"GEORGE TOWN FESTIVAL KINI BERKEMBANG MENJADI ACARA KESENIAN TERUNGGUL DI ASIA."
INTERNATIONAL NEW YORK TIMES
@georgetownfestival
PBA
Penang
GEORGE TOWN
Secret Gardens "Revisited"

# RM8.9 juta realisasi laluan lingkaran basikal pertama Malaysia, jangka siap 2020

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PANTAI JEREJAK -** Dalam merealisasikan Pulau Pinang sebagai negeri bertaraf antarabangsa, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini giat membina Lingkaran Laluan Basikal (*Spiral Bicycle*) dan Laluan Pejalan Kaki pertama dalam negara bernilai RM8.9 juta.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, projek tersebut merupakan sebahagian daripada '*coastal cycling route*' di persisiran pantai timur kawasan pulau merangkumi laluan dari Tanjung Tokong, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

"Apabila MBPP dinaik taraf sebagai bandar raya, kita perlu ikut jejak langkah bandar raya antarabangsa lain, antaranya laluan basikal yang efisien. Ini adalah selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri dalam menyediakan persekitaran yang bersih, hijau, sihat dan selamat.




CONTOH *spiral ramp* yang terdapat di Kanada. *(Gambar ihsan: MBPP)*

"Kerajaan Negeri dalam pada itu turut menetapkan sasaran bahawa laluan basikal sepanjang 39.3 kilometer (km) tersebut akan siap menjelang tahun 2020," katanya pada Sesi Lawatan Kerja Ke Tapak Projek Spiral Bicycle and Pedestrian Bridge dekat Persiaran Queensbay di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin; Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang dan Ahli-ahli Majlis bagi MBPP.

Tung Seang ketika berucap menyatakan bahawa *spiral bridge* berkaitan akan merentangi Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di hadapan kilang Intel, serta dua jambatan dibina merentangi Sungai Ara dan Sungai Nibong Kecil.

"Kerja-kerja pembinaan yang dimulakan pada Julai 2016, dijangka siap pada Januari 2018... sebahagian besar daripada laluan '*coastal cycling route*' ini adalah dalam Kategori 1, iaitu laluan yang tidak berkongsi jalan dengan kenderaan bermotor," jelas beliau.



KETUA Menteri, Chow Kon Yeow (tujuh dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Sesi Lawatan Kerja Ke Tapak Projek Spiral Bicycle and Pedestrian Bridge dekat Persiaran Queensbay di sini baru-baru ini.

Difahamkan Kerajaan Negeri melalui MBPP dan pihak swasta secara keseluruhan kini membelanjakan kira-kira RM34.9 juta untuk merealisasikan matlamat Pulau Pinang sebagai negeri basikal pertama di Malaysia.

# Sempena Aidilfitri, Farizan terima permohonan maaf ADUN Penanti tidak hadir majlis lantik TYT




**GEORGE TOWN -** Sempena Aidilfitri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus mengumumkan bahawa beliau menerima permohonan maaf daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin atas kekhilafan sebelum ini.

Katanya, Norlela sebelum ini menulis di *Facebook* bahawa beliau langsung tidak menerima surat jemputan rasmi ke Majlis Pelantikan Semula Tuan Yang Terutama (TYT), walhal telahpun menerima panggilan rasmi daripada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri.

"Sempena Syawal, saya menerima permohonan maaf beliau dengan setulus ikhlas," jelasnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Guan Eng selepas itu menyatakan bahawa sebelum ini, beberapa peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) dibekukan, sehingga mereka memohon maaf serta mengemukakan alasan atas ketidakhadiran ke Majlis Istiadat Pelantikan Semula TYT Negeri Pulau Pinang.

"Semua telah meminta maaf kepada Kerajaan Negeri dan TYT dengan mereka memberikan dua surat, tetapi YB ADUN Penanti memberikan tiga surat termasuk kepada Dato' Seri (Farizan) kerana mendakwa bahawa beliau tidak menerima jemputan Dato' Seri.

"Kita tak nak sebut nama ADUN-ADUN DAP dan PKR lain (yang turut tidak hadir ke majlis pelantikan semula TYT) kerana mereka tidak mengeluarkan kenyataan di *Facebook*, hanya YB Penanti mengaku secara terbuka gagal menghadiri majlis pelantikan TYT," jelasnya sambil memberitahu bahawa peruntukan berwajib mereka tidak lagi dibekukan oleh Kerajaaan Negeri.

# Hapus GST, selesai skandal kewangan pulih pelaburan swasta sektor pembinaan - Guan Eng

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melahirkan rasa bimbang dengan keadaan ekonomi negara yang tidak menentu, hatta menjejaskan industri pembinaan swasta dalam sektor kediaman dan bukan kediaman di negeri ini.

Mengulas lanjut, Guan Eng mendakwa bahawa kemelesetan ekonomi yang terjadi adalah ekoran pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) serta isu kewangan 1Malaysian Development Berhad (1MDB).

"Di Pulau Pinang, menunjukkan projek pembinaan berkurangan sebanyak 28 projek bagi tempoh 2015 dan 2016.

"Pada tahun 2015, sebanyak 540 projek telah dilaksana berbanding 2016 (512), yang mana nilai projek tersebut telah menurun dari RM8.3 bilion pada 2015 kepada RM8.2 bilion (2016)," katanya yang juga Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP) Kebangsaan dalam kenyataan bertulis di sini 2 Julai lalu.

Menurut Guan Eng, angka penurunan untuk sub-sektor kediaman dan bukan kediaman jatuh dengan begitu mendadak, sungguhpun daripada segi nilai projek menyaksikan tidak banyak perbezaannya.

"Hanya pelaburan tambahan oleh Kerajaan dalam sub-sektor kemudahan sosial, yang naik enam kali ganda daripada RM0.1 bilion dalam tahun 2015 kepada RM0.7 bilion (2016); dan sub-sektor infrastruktur yang naik 92 peratus daripada RM1.4 bilion pada tahun 2015 kepada RM2.7 bilion (2016), telah berjaya menyelamatkan keadaan," jelasnya sambil merujuk kepada Jadual Statistik Construction Industry Development Board (CIDB) Mengenai Jumlah Serta Nilai Projek Tahun 2015 dan 2016 Di Pulau Pinang.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberitahu, nilai projek kediaman telah kurang sebanyak 51 peratus atau RM1.5 bilion daripada RM4.4 bilion keseluruhan nilai projek bagi tahun 2015, berbanding RM2.9 bilion sahaja yang dicatatkan pada 2016.

Pada masa sama, katanya, projek bukan kediaman bagi tahun 2015 yang bernilai kira-kira RM2.4 bilion tahun menyaksikan jatuh sebanyak 20 peratus atau RM0.5 bilion menjadi RM1.9 bilion sahaja (2016).

"Faktor utama kemerosotan sektor kediaman dan bukan kediaman adalah ekonomi negara yang tidak menentu.

"Pertumbuhan ekonomi merudum, defisit keyakinan dan kredibiliti terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Pusat menyebabkan kemerosotan dalam pelaburan oleh pihak swasta bagi sektor pembinaan.

"Kerajaan Persekutuan perlu menyelesaikan isu 1MDB dan hapus GST untuk memulihkan keyakinan pihak swasta untuk terus melabur dalam sektor pembinaan," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.


PEMBERITAHUAN TEMUDUGA TERBUKA PASAR AWAM

## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEMUDUGA TERBUKA PASAR AWAM

24 JULAI 2017(ISNIN)
WAKTU TEMUDUGA: (09.00 PG - 11.00 PG)

TEMPAT TEMUDUGA TERBUKA:

BILIK MESYUARAT TINGKAT BAWAH
PEJABAT CAWANGAN MPSP
JALAN BETIK
14000 BUKIT MERTAJAM

### SPU

| BIL. | PASAR | JENIS JUALAN | KOSONG | KADAR SEWA (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | TASEK GELUGOR | IKAN | 1 | 84.00 |
| | | PETAK PELBAGAI AM | 7 | 40.00 |
| | | PETAK MAKANAN | 5 | 40.00 |
| 2. | TAMAN BAGAN | IKAN | 2 | 105.00 |
| | | SAYUR | 2 | 90.00 |
| | | AYAM PROSES HALAL | 2 | 105.00 |
| 3. | BAGAN AJAM | PETAK MAKANAN (BUMIPUTERA) | 2 | 60.00 |
| | | PETAK RUNCIT / AM | 1 | 60.00 |
| 4. | JETI LAMA | IKAN | 2 | 105.00 |
| | | DAGING KHINZIR | 2 | 90.00 |
| 5. | KEPALA BATAS | AYAM PROSES HALAL | 1 | 150.00 |
| 6. | PENAGA | G/T: AM/RUNCIT | 3 | 168.00 |
| JUMLAH KEKOSONGAN | | | 17 | |

### SPT

| BIL. | PASAR | JENIS JUALAN | KOSONG | KADAR SEWA (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | SRI RAMBAI | IKAN | 2 | 150.00 |
| | | AYAM PROSES TIDAK HALAL | 2 | 150.00 |
| 2. | KAMPUNG BARU | IKAN | 1 | 150.00 |
| | | AYAM PROSES TIDAK HALAL | 4 | 150.00 |
| | | PETAK PELBAGAI | 1 | 60.00 |
| 3. | KOTA PERMAI | G/T: MAKANAN | 1 | 168.00 |
| 4. | PASAR AWAM PERMATANG TINGGI | DAGING LEMBU | 2 | 78.20 |
| | | G/T: MAKANAN | 12 | 60.00 |
| JUMLAH KEKOSONGAN | | | 25 | |

### SPS

| BIL. | PASAR | JENIS JUALAN | KOSONG | KADAR SEWA (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | BANDAR TASEK MUTIARA | DAGING LEMBU | 1 | 104.00 |
| | | DAGING KHINZIR | 1 | 104.00 |
| | | PETAK PELBAGAI | 1 | 48.00 |
| 2. | TAMAN BERJAYA | SAYUR | 5 | 120.00 |
| | | DAGING LEMBU | 4 | 120.00 |
| | | DAGING KHINZIR | 7 | 100.00 |
| | | PETAK MAKANAN (BUMI) | 1 | 60.00 |
| 3. | SUNGAI BAKAP | IKAN | 6 | 84.00 |
| | | SAYUR | 4 | 84.00 |
| | | DAGING LEMBU | 3 | 84.00 |
| | | G/T: AM/ RUNCIT | 1 | 168.00 |
| JUMLAH KEKOSONGAN | | | 34 | |

(MOHD FAIDROL BIN MOHD RADZI)
Pengarah Pelesenan
b.p Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Tarikh : JULAI 2017

SILA BAWA BERSAMA ANDA SEMASA MENGHADIRI TEMUDUGA TERBUKA:

a) KAD PENGENALAN ASAL & 2 SALINAN FOTOSTAT
b) DUA (2) KEPING GAMBAR BERUKURAN PASPORT
c) KATEGORI OKU: KAD OKU & 2 SALINAN FOTOSTAT

Syarat syarat:

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur 18 tahun keatas
3. Berpakaian kemas & sopan
4. Menepati masa
5. Suami/isteri ditawarkan satu gerai sahaja
6. Bukan kakitangan awam

UNTUK KETERANGAN LANJUT
SILA HUBUNGI BAHAGIAN
UNIT PENJAJA:
04-5497682 / 04-5497685
Laman web:
http://www.mpsp.gov.my





# Khemah baharu gembirakan 30 peniaga kecil Jalan Mahsuri

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PANTAI JEREJAK –** Seramai 30 peniaga dan usahawan kecil yang berniaga dekat pasar malam Jalan Mahsuri di sini, menerima khemah baharu berkeluasan 100 kaki persegi.

Khemah-khemah tersebut disampaikan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.



SALMIAH Md. Noh.

"Ini merupakan salah satu daripada dividen melawan rasuah oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan... hasilnya, setiap tahun kita punyai lebihan belanjawan, dan kita pulangkan kepada rakyat seperti yang kita bantu pada hari ini.

"Seperti mana kita tahu khemah ini adalah antara 'nadi' utama peniaga di pasar malam ini. Apa yang saya dapat tahu juga, ini merupakan pemberian utama dan kerajaan dahulu pun tidak pernah beri khemah percuma macam ini," katanya pada Majlis Penyerahan Khemah Usahawan Kecil Pulau Pinang baru-baru ini.

Mohd. Rashid memberitahu, pasar-pasar malam di kawasan lain turut akan menerima bantuan sama selepas ini sejurus ada permintaan yang menggalakkan.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Mahsuri, Latifah Husainsa.

Bagi **SALMIAH MD. NOH**, 49, seorang peniaga nasi campur, beliau bersyukur dengan bantuan yang diterimanya.

"Senang banyaklah apabila dapat pemberian percuma macam ini jika hendak beli pun dah tentu mahal dan yang paling saya puji ialah prosesnya sungguh mudah," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara.

Seorang lagi peniaga, **KAM AH HOCK**, 63, yang sudah berniaga di Bayan Baru selama 35 tahun.



KAM Ah Hock (depan, dua dari kiri) bersalaman dengan Mohd. Rashid Hasnon (depan, kiri sekali) sejurus menerima bantuan khemah pada Majlis Penyerahan Khemah Usahawan Kecil Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

"Dari dahulu saya berniaga di sini tidak pernah kerajaan lama tolong, tetapi kita punya ADUN jaga kita bagus, selalu melawat, hari ini bagi khemah percuma lagi," jelasnya yang menjalankan perniagaan buah-buahan.

## Tambah nilai komersial lorong belakang, Jalan Magazine ke Jalan Gurdwara jadi projek perintis

**GEORGE TOWN –** Lorong belakang menghubungkan Jalan Magazine ke Jalan Gurdwara bakal menjadi lorong pertama di kawasan pulau yang dinaik taraf bagi menambah nilai komersial serta meningkatkan fungsi penggunaan ruang.

Perkara tersebut dinyatakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada Majlis Pecah Tanah Projek Menaik Taraf Lorong Belakang Menghubungkan Jalan Magazine ke Jalan Gurdwara di sini baru-baru ini.

"Projek ini merupakan inisiatif berterusan oleh MBPP dan akan diperluaskan ke lorong-lorong belakang lain secara berperingkat.

"Saya percaya bahawa projek yang menelan belanja sebanyak RM950,000 hasil tanggungjawab korporat sosial (CSR) pemaju, M-Summit Global Sdn. Bhd. ini dapat meningkatkan imej George Town selain mewujudkan persekitaran yang bersih, hijau, sihat dan selamat," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada majlis berkaitan.

Kon Yeow memaklumkan, kerja-kerja naik taraf di kawasan lorong seluas 870 meter persegi tersebut merangkumi pemasangan lampu, pemasangan kanopi, penanaman pokok, rangkaian pejalan kaki, laluan basikal serta keperluan lain.

Hadir sama, mantan Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail dan Ahli-ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit.

Patahiyah ketika berucap memberitahu, projek naik taraf lorong belakang tersebut merupakan hasil kaji-selidik pihak Majlis dari 20 Februari hingga 20 Mac lalu.

"Sebanyak 91.4 peratus daripada kaji-selidik tersebut menyokong projek naik taraf lorong belakang ini," jelasnya.

Difahamkan projek yang dimulakan pada awal Julai 2017 dijangka mengambil masa selama dua bulan untuk disiapkan.



CHOW Kon Yeow (tiga dari kanan), Patahiyah Ismail (kiri sekali) dan barisan kepimpinan MBPP ketika hadir pada Majlis Pecah Tanah Projek Menaik Taraf Lorong Belakang Menghubungkan Jalan Magazine ke Jalan Gurdwara di sini baru-baru ini.



# Program Kewarganegaraan Kerajaan Negeri, lima beradik peroleh taraf warganegara

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Lima adik-beradik berusia antara setahun hingga 10 tahun dari rumah kebajikan Sinar Bakti dan seorang warga emas, P. Sarojini, 60, menerima status kewarganegaraan setelah masing-masing memperoleh sijil kelahiran, MyKid, kad pengenalan biru dan MyKad baru-baru ini.

Penyerahan dokumen-dokumen tersebut disempurnakan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy selaku Pengerusi Program Kewarganegaraan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini.

Menurut Ramasamy, lima adik-beradik yang dimaksudkan ialah M. Tanesh, 10, M. Nagarajan (9), M. Kirtthana (7), M. Sivasankhari (5) dan M.Dinesh (1).

"Bagi kes lima kanak-kanak ini, proses yang diambil adalah satu tahun untuk memperoleh sijil kelahiran dan MyKid, manakala bagi Sarojini, tiga tahun," jelasnya pada sidang media.

Hadir sama, pemantau program, Chiam Heng Hak (wakil bagi Daerah Timur Laut), Abdul Rahim Mohamed Nor (Daerah Barat Daya) dan K. Krishnasamy (Daerah Seberang Perai Utara, SPU).

Difahamkan lima kanak-kanak tersebut sebelum ini 'ditemui' oleh dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) iaitu M. Satees dan David Marshal di sebuah rumah kebajikan sebelum kes mereka dirujuk di bawah Program Kewarganegaraan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, manakala Sarojini, sebelum ini merupakan pemegang kad pengenalan merah (pemastautin tetap).

"Sejak program (kewarganegaraan) ini diperkenalkan pada tahun 2013, seramai 870 individu telah dan sedang dibantu, iaitu 42 kes berjaya membuahkan hasil, 31 kes gagal dan selebihnya masih dalam proses," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai.

Sementara itu, Tanesh ketika ditemui melahirkan rasa syukur apabila mereka lima beradik berjaya mendapatkan hak sebagai warganegara Malaysia yang sah taraf.

"Terima kasih Kerajaan Negeri membantu saya dan adik-adik. Selepas ini, kami semua boleh ke sekolah," katanya teruja.



**PROF Dr. P. Ramasamy (berkemeja putih) menunjukkan sijil kelahiran serta MyKid lima beradik yang berjaya didaftarkan sebagai warganegara Malaysia sah taraf menerusi Program Kewarganegaraan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada sidang media di sini baru-baru ini.**





Tanah Banglo berjumlah 15 plot hakmilik kekal individu di atas lot 680 (Geran Mukim No.330) Mukim 4, di belakang Taman Jelatik, Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang untuk dijual:

- **Geran:** First Grade
- **Sekuriti:** Berpagar di sekeliling taman
- **Luas tanah:** 387 meter persegi ke 1322 meter persegi
- **Harga Jualan:** Tanah RM88.00 kaki persegi,Bumiputra diskaun 5%
- **Harga** termasuk meratakan dan menambunkan tanah ketinggian yang diluluskan oleh MPSP
- **Pelan rumah** boleh diluruskan oleh tuan rumah diri sendiri
- **Kemudahan berdekatan:** Sekolah rendah dan menengah,hospital,telekom,bank-bank di sekeliling dalam satu kilometer sahaja.

Tuan Tanah : En.Seow Choon Eow dan lain-lain.
Hubungi :
Mr Lee 012 - 481 2063
Mr Hoh 013 - 418 0100



TUAN Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri memotong kek sempena meraikan ulang tahun kelahiran rasmi ke-79 beliau pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diadakan di Kompleks Sukan MBPP Balik Pulau.



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin (kiri sekali) mengiringi Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail memberi duit raya kepada pengunjung cilik pada Majlis Sambutan Hari Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya. Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

# Kemeriahan Syawal



SEBAHAGIAN pengunjung yang memeriahkan sambutan Majlis Rumah Terbuka DUN Batu Lancang.



PARA pengunjung bersalaman dengan Tun Dr. Abdul Rahman Abbas pada majlis rumah terbuka beliau yang diadakan di SPICE.




PARA pengunjung Majlis Rumah Terbuka DUN Air Putih tidak melepaskan peluang bergambar bersama Ketua Menteri yang merupakan ADUN kawasan.




MANTAN Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mokhtar Mohd. Jait (berkemeja ungu) bersalaman dengan kakitangan Jabatan Kewangan Negeri pada majlis rumah terbuka jabatan berkaitan.



ISTERI kepada Speaker DUN, Datin Teoh Hooi Tuang (tengah) bergambar kenangan bersama-sama isteri kepada Ketua Menteri, Datuk Bandar MBPP, isteri kepada Timbalan Ketua Menteri I dan isteri kepada Setiausaha Kerajaan Negeri.



SEBAHAGIAN kanak-kanak yang menerima duit raya bersalaman dengan ADUN Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon pada majlis Sambutan Rumah Terbuka DUN Pantai Jerejak.



SEBAHAGIAN persembahan menarik yang dipersembahkan pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ramli Omar<br>ramliomar53@gmail.com | 012 - 487 3070 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012 - 594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 012 - 445 1767 | - Muazah |
| N2 | Bertam | : 012 - 466 9681 | - Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | : 012 - 505 1334 | - Farrah Erika |
| N5 | Sungai Dua | : 016 - 412 8588 | - Zuhair |
| N6 | Telok Air Tawar | : 012 - 475 4326 | - Mohd. Zamri |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 010 - 406 2128<br>013 - 595 6865 | - Nurafiqah<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 383 9131 | - Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 0111-508 0215 | - Siti Hajar Abdul Aziz |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 010 - 811 7300 | - Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 231 0806 | - Yusof Ismail |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 464 3004 | - Aidi Akhbal |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 413 5695<br>017 - 569 6712 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A.Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019 - 225 6502 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Jun - Okt. 2017




15hb Jun - 15hb Oktober
***Pesta Durian***
Anjung Indah, Balik Pulau


### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB, NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Pameran *Despicable Me 3*, sekaligus promosi *Butterworth Art Walk*

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**COMEL...**Pameran *Despicable Me 3* sehingga 3 September ini diharap akan turut mempromosi lagi Pelan Butterworth Baharu, khususnya *Butterworth Art Walk*.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, pameran percuma animasi terkenal *Minions* dalam tempoh 10 hari sejak 22 Jun lepas menerima lebih 50,000 pengunjung tempatan dan pelancong asing.

"Sengaja diadakan serentak kedua-dua majlis pelancaran ini, supaya mereka yang datang ke pameran *Despicable Me 3* di sini boleh terus balik dan masuk ke *Butterworth Art Walk*," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam berkata demikian pada Majlis Pelancaran *Despicable Me 3* dan Majlis Perasmian *Butterworth Art Walk*, Pelan Butterworth Baharu di perkarangan padang Dataran Pemuda Merdeka di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh dan ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan turut sertai majlis dwi pelancaran tersebut.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Dato' Maimunah Mohd. Sharif; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud serta wakil agensi persekutuan ThinkCity, Murali Ram.

Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri membiayai RM900,000 kos pameran percuma *Despicable Me 3*, manakala kos fasa satu dan dua *Butterworth Art Walk* sejumlah RM85,000 dibiayai ThinkCity.

"Projek (*Butterworth Art Walk*) ini dipilih sebagai suatu inisiatif untuk menghidupkan lorong-lorong bangunan



**BELON *Minions* gergasi 'Bob' setinggi 15 kaki menjadi tumpuan umum.**



**DAVE (kiri) dari *Despicable Me 1* dan Carl dari *Despicable Me 2* antara watak Minions yang terdapat di sini.**




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar bersama-sama karektor-karektor *Despicable Me 3*.**




**PENGUNJUNG tidak melepaskan peluang bergambar kenangan bersama watak utama *Despicable Me 3,* Stuart, Gru dan Kevin.**



**SEBAHAGIAN lukisan mural yang menjadi tarikan.**



KREATIVITI menggunakan tudung saji.




AKSI Stuart dan Kevin yang berjaya meloloskan diri dari penjara dalam *Despicable Me 3*.




WATAK popular dalam *Despicable Me 3*, Kevin pada sesi '*meet and greet*' yang diadakan dekat Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth.



AKSI dua kanak-kanak yang tidak mahu melepaskan peluang bergambar bersama-sama *Minions* kegemaran mereka.

yang tidak terjaga tetapi selamat dan strategik untuk menjadi kawasan pelancongan menarik di Butterworth.

"Kerja-kerja penghasilan lukisan mural yang memaparkan sejarah Butterworth, dimulakan sejak Disember 2016," jelasnya sambil memuji kolaborasi antara arkitek kelahiran Butterworth bernama Zaini Zainul dengan ThinkCity dan MPSP dalam projek berkaitan.

"Ketiga-tiga fasa ini merangkumi jarak 400 meter (m) akan menghasilkan sebanyak 45 mural serta 10 arca, yang dijangka siap sepenuhnya pada bulan Julai 2017," jelas nya.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng turut menzahirkan rasa bangga kerana pameran *Despicable Me 3* diiktiraf dalam *Malaysia Book of Records*, dengan keseluruhan saiz kubah merangkumi 4,600 kaki yang boleh memuatkan 200 pengunjung pada satu-satu masa adalah '*dome*' paling besar di tanah air ini.



BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan di *Butterworth Art Walk*.



KEUNIKAN *Butterworth Art Walk*.

## Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0




Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ____________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ____________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka dari **1 April 2017** hingga **31 Julai 2017.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil karya adalah hak milik penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM400**
**Kedua : RM250**
**Ketiga : RM150**
**4 Hadiah Saguhati**

# PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN: "Saya ♥ Pulau Pinang"

**HADIAH UTAMA**
Pertama: RM500
Kedua: RM300
Ketiga: RM200



SAYA ♥ PULAU PINANG
#UntukNegeriKita

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 42 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan "Saya ♥ Pulau Pinang" dan mempunyai hashtag, #UntukNegeriKita.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah hak milik penganjur.
10. Tarikh tutup penyertaan, **31 Julai 2017.**

Sila isi butiran berikut:

Nama : ..............................

No. Kad Pengenalan: ..............................

Alamat: ..............................

..............................

No. Telefon : (Rumah) .............. (Bimbit) : ..............

Emel: ..............................

*Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.*

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11769 |
| Peminjam | : | ANBARASAN A/L KUPPAN - 91022107****<br>232 MUKIM 12 JALAN BARU,<br>BATU MAUNG, BAYAN LEPAS<br>11960 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | LOGESWARI A/P KUPPAN - 86072935****<br>NO.232 JALAN BARU, BATU MAUNG,<br>BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | MINAH A/P RAMCHAMDRAN - 64030407****<br>2-4-9 LEBUH NIPAH 3, SUNGAI NIBONG BESAR<br>11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11770 |
| Peminjam | : | KALAIWANI A/P BALAN - 91081507****<br>NO.3 LORONG SENANGIN 15,<br>PERUMAHAN PERAI 13600 PERAI |
| Penjamin 1 | : | MANOJ KUMAR A/L GOVINDARAJ - 73082707****<br>NO.126-C JALAN TANJUNG, TAMAN BUNGA<br>RAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH |
| Penjamin 2 | : | GOWIRI DEVI A/P GOVINDARAJ - 69051107****<br>NO.126-C JALAN TANJUNG, TAMAN BUNGA<br>RAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11772 |
| Peminjam | : | SARALAH DEVI A/P JEYAVARATHAN - 86011807****<br>TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN,<br>JALAN GAMBUT 25000 KUANTAN, PAHANG |
| Penjamin 1 | : | NAVINDREN A/L SINGARAM - RF/147***<br>BEREK BUJANG, BATALION 7,<br>PASUKAN GERAKAN AM<br>25990 KUANTAN, PAHANG |
| Penjamin 2 | : | NAGENDREAN A/L SINGARAM - 79031207****<br>NO.10 LORONG JAYA 2, TAMAN IMPIAN,<br>ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11774 |
| Peminjam | : | SHALINI A/P JAYABALAN - 93011407****<br>NO.15-B KAMPUNG PAYA BESAR,<br>LUNAS 09600 KEDAH |
| Penjamin 1 | : | SANJIVI A/L JAYABALAN - 86082535****<br>NO.15B KAMPUNG PAYA BESAR<br>09600 LUNAS, KEDAH |
| Penjamin 2 | : | VIJAYAN A/L KHRISHNAN - 84011507****<br>NO.3 JALAN BAKAWALI 4,<br>TAMAN BAKAWALI<br>13300 TASEK GELUGOR, SPU |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11775 |
| Peminjam | : | MURUGIYAH A/L P.RATNAM - 69070407****<br>4-09 BLOCK A, TAMAN PANDAN,<br>JALAN ONG YI HOW 13400 BUTTERWORTH |
| Penjamin 1 | : | VANAJA A/P B JEYAVELOO - 62031207****<br>NO. 502B JI, JALAN TENGGIRI,<br>SEBERANG JAYA 13700 PERAI |
| Penjamin 2 | : | DENESH A/L MACALINGHAM - 86092935****<br>NO. 39 JALAN BERLIAN 1,<br>PPC QUARTERS, BAGAN AJAM<br>13000 BUTTERWORTH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11776 |
| Peminjam | : | SHARVESHNI A/P PACHAYMUTHU - 89101507****<br>1881 PEJABAT HAIWAN, POKOK SENA<br>13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 1 | : | UMAVATHY A/P SUBRAMANIAM -\ 76062907****<br>NO.46 JALAN SERI AUSTIN 6/14, TAMAN SERI<br>AUSTIN 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR |
| Penjamin 2 | : | MUNISWARY A/P SUBRAMANIAM - 76080807****<br>BLOK B-2-16 JALAN PERINDU,<br>PANGSAPURI PERINDU 13400 BUTTERWORTH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11780 |
| Peminjam | : | RUBEN FRANCIS A/L FRANCIS DASS - 93052007****<br>97 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT<br>14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 1 | : | RAVI A/L RETNAM - 68102808****<br>NO.1355 JALAN BUKIT PANCHUR<br>14300 NIBONG TEBAL, SPU |
| Penjamin 2 | : | PATRICIA SHAMANI A/P SOOSAINATHAN - 84110107****<br>NO.14 GERBANG KURAU,<br>CHAI LENG PARK 13700 PERAI |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11785 |
| Peminjam | : | JENNIFER JANE A/P FRANCIS DASS - 88090835****<br>97 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT<br>14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 1 | : | FRANCIS DASS A/L JACOB AROKIA DASS - 60060107****<br>NO.97 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT<br>14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 2 | : | ANTHONY SAMY A/L JOHN - 57061207****<br>NO.22 LORONG HARMONI, TAMAN BUKIT<br>MAS 14000 BUKIT MERTAJAM |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11786 |
| Peminjam | : | THIAGARAAJ PILLAI A/L THAYASEGAMANAY - 89080507****<br>976 JALAN KLINIK LAMA<br>13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 1 | : | THANESH A/L SATHIASELVAN - 88101835****<br>NO. 1435 KAMPUNG KOVIL 13200<br>KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA |
| Penjamin 2 | : | RAJESWARI A/P KRISHNAN - 66040607****<br>NO. 9105 KAMPUNG KOVIL<br>13200 KEPALA BATAS,<br>SEBERANG PERAI UTARA |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11788 |
| Peminjam | : | THANESHWARAN A/L RAMADASS - 87021907****<br>2C-3-1 JALAN SEMARAK API 1 , BANDAR<br>BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | SUSILA A/P PERUMAL - 71071602****<br>2-12-19 TAMAN MANGGIS, JALAN ZAINAL<br>ABIDIN 10400 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | VENGADASALAM A/L PERUMAL - 74020902****<br>1150D-6-10 SAUJANA HEIGHTS, JALAN TELUK<br>KUMBAR,BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11789 |
| Peminjam | : | NUR MASIDAYU BT MOHD IBRAHIM - 88072107****<br>NO.167 JALAN RIMBA EMAS,<br>TAMAN BERSATU, KULIM 09000 KEDAH |
| Penjamin 1 | : | NUR SINAR BINTI MOHD IBRAHIM - 84050807****<br>NO.167 JALAN RIMBA EMAS,<br>TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH |
| Penjamin 2 | : | MOHD FADZLY BIN ABU BAKAR - 85071808****<br>NO.154 JALAN TERATAI INDAH 5, TAMAN<br>TERATAI INDAH 09000 KULIM, KEDAH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11790 |
| Peminjam | : | HANNA FARHANA BINTI ZAM ZAIMI - 92082207****<br>757 B KAMPONG KASTAM, BAGAN JERMAL<br>12300 BUTTERWORTH |
| Penjamin 1 | : | ZAM ZAINI BIN ABDULLAH - 63110308****<br>NO.757B KAMPUNG KASTAM,<br>BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : | SHAHRIZUL BIN ISMAIL - 80081407****<br>NO.35 LORONG PENAGA 14,<br>TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11792 |
| Peminjam | : | MARHAMAH BINTI MD. ROSLI - 88071208****<br>NO. 30 JALAN KLEBANG RAYA 8, TAMAN SAZ SILIBIN,<br>IPOH 30100 PERAK |
| Penjamin 1 | : | AHMAD HISHAM BIN DIN - 72061508****<br>M3-01 BLOK M, PANGSAPURI JATI, JALAN KP 1/6,<br>KOTA PERDANA 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR |
| Penjamin 2 | : | MOHD RUSLAN BIN MOHD SHARIFF - 57051608****<br>NO.170 TAMAN SAGA, ALOR MENGKUDU 05400 KOTA SETAR, KEDAH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11807 |
| Peminjam | : | SHAZIRUL HATIMI BIN ROSLAN - 91012307****<br>B-1-6 PANGSAPURI PESONA, TAMAN PAUH JAYA<br>13500 PERMATANG PAUH |
| Penjamin 1 | : | ZOUL-AZRI BIN HUSAIN - 78121914****<br>NO.70 JALAN IBUKOTA KIRI, TAMAN IBUKOTA<br>53100 KUALA LUMPUR |
| Penjamin 2 | : | SHARAMIMI BINTI ROSLAN - 87091807****<br>NO.70 JALAN IBUKOTA KIRI, TAMAN IBUKOTA 53100 KUALA LUMPUR |

# Pulau Pinang negeri terbersih 2018, Maimunah yakin komitmen warga kerja 3D



MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung merah) bergambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan dan Pekerja-pekerja Am 3D MBPP pada sesi pertemuan khas di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MBPP**

**BAYAN LEPAS –** Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif yakin bahawa Pulau Pinang mampu menduduki tempat pertama sebagai negeri terbersih bagi tahun 2018.

Menurut beliau, tiada yang mustahil sekiranya Pekerja Am MBPP yang melakukan kerja-kerja pembersihan awam memberikan komitmen dalam melaksanakan tugas.

"Jika tahun ini MBPP mampu mencapai tempat ketiga di belakang Terengganu dan Perak, tidak mustahil tahun hadapan Pulau Pinang merampas tempat pertama sebagai negeri terbersih.

"Saya yakin dengan warga MBPP yang ada di hadapan saya ini mampu memberikan pencapaian terbaik serta komitmen sepenuh hati dalam menjalankan kerja-kerja pembersihan di sini.

"Saya berharap anda semua tidak mudah patah hati dalam menjalankan tugas seharian serta berbangga dengan tugasan yang diberi dan mestilah bersemangat dalam menjadikan Pulau Pinang negeri yang bersih.

"Manakala, bagi orang awam pula, saya ingin menyeru agar kita semua dapat meningkatkan tahap kebersihan di kawasan sekitar, serta mengubah sikap ke arah yang lebih baik dalam mencapai sasaran negeri terbersih tahun hadapan," ucap Maimunah pada sesi pertemuan bersama-sama warga kerja pembersihan awam (3D) dekat Dewan MBPP Jalan Rajawali di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Maimunah dalam pada itu, turut mengingatkan semua warga MBPP tentang betapa pentingnya integriti ketika bertugas.

"Integriti ini tidak terhad kepada rasuah semata-mata, ianya merangkumi soal kehadiran, tidak lewat masuk kerja, menipu sijil cuti sakit dan lain-lain.

"Kita (MBPP) tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tatatertib terhadap pekerja-pekerja yang gagal mematuhi disiplin dan integriti bekerja," jelasnya yang mahu warga kerjanya berpegang kepada tanggungjawab dan intergriti dalam melaksanakan sesuatu tugasan.

Sementara itu, Maimunah turut meluangkan masa beramah-mesra dengan pekerja 3D dan mandur yang hadir sebelum bergambar kenangan bersama-sama.



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

PROGRAM AGENDA EKONOMI SAKSAMA

AES

**PENGENALAN**

Program Agenda Ekonomi Saksama (AES), yang dahulunya dikenali sebagai Program Pembasmian Kemiskinan merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada bulan Mac 2009 untuk memberikan bantuan kewangan secara bulanan kepada golongan miskin di Negeri Pulau Pinang.

**KADAR BANTUAN**

Penerima yang layak akan menerima bantuan kewangan pada kadar minimum di antara RM100.00 hingga kadar maksimum berjumlah RM790.00 secara tunai atau melalui akaun Bank. Bayaran secara tunai hanya dilaksanakan kepada penerima baru sahaja dan penerima yang mempunyai masalah dengan akaun BSN.

**SYARAT-SYARAT**

Syarat-syarat permohonan program AES adalah seperti berikut :

a) Warganegara Malaysia;
b) Menetap di Negeri Pulau Pinang (Sekurang-kurangnya 5 tahun) dengan dokumen sokongan
   - Bil Elektrik & Bil Air.
c) Memiliki dokumen lengkap seperti berikut:
   - Kad Temujanji Perubatan / Buku Rekod Kelahiran Bayi (Suntikan Vaksin)
   - Kad Temujanji Perubatan/Rekod Kehadiran Warga Emas
   - Buku Rekod Laporan Akademik Anak
   **Ketiga-tiga dokumen ini perlu diserahkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah.**
d) Pengundi berdaftar di Pulau Pinang (selepas satu tahun menerima bantuan AES).
e) Memenuhi syarat PGK seperti berikut :

| KATEGORI Bil. Ahli Isi Rumah (AIR) | KELAYAKAN Berasaskan PGK isi rumah |
|---|---|
| 1 Orang | PGK kurang daripada RM300.00 |
| 2 Orang ke atas | Pendapatan perkapita tidak melebihi RM220 |

*Nota: PGK di atas adalah mengambil kira lain-lain bantuan yang diterima secara bulanan KECUALI bantuan kewangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu Bantuan Pesakit Terlantar (BPT) dan Bantuan Kanak-Kanak (BKK).*

**PERMOHONAN**

Terdapat dua (2) kaedah permohonan iaitu:

a) Pemohon boleh mengemukakan permohonan melalui Borang Permohonan Program AES yang boleh didapati di Pejabat Daerah dan Tanah atau
b) Pengerusi JKKK akan turun padang mengenalpasti individu atau keluarga yang layak dan membantu mereka mengisi borang permohonan AES sebelum dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan Tanah dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemohon menerima borang tersebut.

**KAEDAH PENGIRAAN**

Kaedah pengiraan kadar bantuan AES mengikut bilangan isi rumah adalah seperti berikut :

**1 ORANG / RM300 :**

Jumlah bantuan AES yang diterima adalah bergantung kepada jumlah baki untuk menggenapkan PGK penerima tersebut kepada RM300 sebulan setelah ditolak jumlah bantuan lain yang diterima.

*Contoh :Penerima tinggal berseorangan dan mempunyai pendapatan seisi keluarga sebanyak RM150 sebulan (termasuk lain-lain bantuan yang diterima). Oleh demikian, Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan AES sebanyak RM150.00 sebulan.*

**2 ORANG KE ATAS :**

Berdasarkan PGK perkapita tidak melebihi RM220 seorang.

*Contoh 1 : Penerima mempunyai 2 orang isi rumah dan mempunyai PGK sebanyak RM200 sebulan (termasuk lain-lain bantuan yang diterima). Oleh demikian, Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan AES sebanyak RM240.00 sebulan.*

2 ORANG ISI RUMAH x RM220.00 = RM440.00
AES = RM440.00-RM200.00= RM240.00

*Contoh 2 : Penerima mempunyai 3 orang isi rumah dan mempunyai pendapatan sebanyak RM300 sebulan (termasuk lain-lain bantuan yang diterima). Oleh demikian, Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan AES sebanyak RM360.00 sebulan.*

3 ORANG ISI RUMAH x RM220.00 = RM660.00
AES = RM660.00 - RM300.00 = RM360.00

**PENAMAT BANTUAN**

Bantuan AES akan ditamatkan sekiranya:

- Penerima AES meninggal dunia.
- Penerima AES berpindah keluar dari Pulau Pinang.
- Penerima AES tidak memberikan dokumen (kad temujanji perubatan / kehadiran anak, warga emas dan buku rekod akademik anak) dalam tempoh 3 bulan.
- Penerima AES mempunyai PGK melebihi syarat syarat kelayakan PGK yang ditetapkan.
- Penerima AES bukan pengundi Pulau Pinang. (tahun kedua selepas semakan semula).

# Amal asing sisa di punca jaga alam sekitar, jana pendapatan JMB - ADUN

Gambar : **ADUN**

**AIR ITAM -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai memberitahu bahawa Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bukan sahaja dapat memulihara kediaman rumah pangsa setempat, bahkan mampu menjana pendapatan baharu untuk persatuan penduduk.

Hon Wai berkata demikian pada Majlis Jamuan Aidilfitri dan Program Taklimat Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, anjuran Badan Pengurusan Bersama (JMB) Shineville Garden, Lebuhraya Thean Teik dan Pusat Khidmat ADUN Air Itam di sini baru-baru ini.

"Sejak Jun tahun lalu, program ini telah dijalankan di sembilan kawasan atau rumah pangsa di KADUN Air Itam iaitu di Taman Happy Valley, Flat Taman David Chen, Flat Taman Pisang Awak, Kampung Shaik Eusoff, Flat Taman Sri Timur, Flat Fairy Height Blok 137, Flat Fairy Height Blok 138, Desa Mawar dan Shineville Garden.

"Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca yang telah digerakkan secara aktifnya sejak Jun tahun lalu dijangka mampu menjimatkan kos pengurusan sisa pepejal, di samping menjaga alam sekitar," jelasnya yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri.

Justeru, Hon Wai menyeru rakyat di kawasan atau rumah pangsa sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam supaya terus saling memberi kerjasama kepada kempen kesedaran menjaga alam sekitar, yang dianjurkan oleh persatuan penduduk hatta Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kelak.

Terdahulu, Guan Eng yang juga ADUN Air Putih dalam Program Taklimat Dasar Pengasingan Sisa Di Punca peringkat KADUN berkenaan menyatakan bahawa amalan dasar tersebut yang dilaksanakan di bahagian pulau dan Seberang Perai mampu menjimatkan sumber dana kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan berjumlah kira-kira RM2.38 juta.



**WONG Hon Wai (lima dari kanan) bersama-sama penduduk Flat Shineville Garden pada Majlis Pelancaran Program Pengasingan Sisa Di Punca KADUN Air Itam di sini baru-baru ini.**






# *Occupy Beach Street* sebagai platform perkongsian bersama komuniti

Teks & Gambar : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif berhasrat menjadikan projek *Occupy Beach Street* yang diadakan di Lebuh Pantai sejak 2012 sebagai platform perkongsian bukan sahaja aktiviti sihat, malah polisi dan kejayaan yang dicapai oleh Pulau Pinang selama ini.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan kunjungan ke lokasi berkaitan di sini 8 Julai lalu.

Maimunah yang ditemani Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang, juga mahu projek *Occupy Beach Street* diteruskan pada masa hadapan memandangkan respons dan sambutan memberangsangkan terutama daripada rakyat Pulau Pinang.

"Kita lihat pagi ini, walaupun tanpa tema-tema atau acara besar di sini...sambutan amat baik..ramai orang datang dan ia sesuatu yang bagus.

"Jadi, saya harap kita (pihak berkuasa tempatan, MBPP dan Kerajaan Negeri) dapat menggunakan platform (*Occupy Beach Street*) ini untuk menyebarluaskan kejayaan yang dicapai berserta maklumat-maklumat berkaitan polisi dan sebagainya.

"Terutama sekali berhubung polisi hijau terbaharu Kerajaan Negeri iaitu kebersihan," ujarnya.

Pada kunjungan kali pertama beliau sebagai Datuk Bandar baharu MBPP, Maimunah turut meluahkan hasrat untuk mempelbagaikan lagi pengisian program di sini.

"Saya ingin melihat elemen seperti pendidikan diselitkan, di samping menambah baik penglibatan komuniti dalam *Occupy Beach Street* dan menggunakan platform di sini sepenuhnya.

"Jadi, saya akan mengadakan perbincangan bersama-sama penganjur dan melihat bagaimana kita boleh mendapatkan maklum balas daripada pengunjung...apa yang mereka ingin lihat ada di sini.

"Saya percaya, bersama kita mampu mencapai kejayaan... satu pasukan, satu suara, satu visi seperti yang disebutkan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, bersama kita akan capai lebih lagi kejayaan" katanya yang meluangkan masa kira-kira 90 minit di sini.

Turut sama, Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik, Ahli-ahli Majlis MBPP seperti D. Kala dan Wong Yuee Harng, Ketua-ketua Jabatan MBPP serta wakil penganjur *Occupy Beach Street*.

Projek *Occupy Beach Street* yang juga dikenali sebagai Hari Tanpa Kereta di Lebuh Pantai diadakan setiap hari Ahad bermula dari pukul 7 pagi sehingga 1 tengah hari.

Projek hasil inisiatif MBPP dan Kerajaan Negeri berkenaan menyajikan pelbagai aktiviti komuniti serta jualan menarik yang diadakan sepanjang laluan 500 meter.

Selain bersantai, pengunjung juga dapat menikmati alunan muzik oleh '*buskers*' dan pemuzik tempatan.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (barisan depan, lima dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan MBPP dan wakil-wakil penganjur pada sesi lawatan beliau ke *Occupy Beach Street* di sini baru-baru ini.**




MAMMO PENANG
'Sayangi Wanita Pulau Pinang'

## Jadual Mammo Penang 2017

| | Sabtu | Bahagian Pulau | Seberang Perai | Ahad | Bahagian Pulau | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Julai | 22 | Sungai Pinang | Sungai Puyu | 23 | Teluk Bahang | Penaga |
| | 29 | Pantai Jerjak | Penanti | 30 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya |
| Aug | 5 | Batu Maung | Perai | 6 | Padang Kota | Bukit Tambun |
| | 12 | Seri Delima | Sungai Bakap | 13 | Air Putih | Bagan Jermal |
| | 19 | Pulau Betong | Berapit | 20 | Pengkalan Kota | Padang Lalang |
| | 26 | Dato Keramat | Bertam | 27 | Pulau Tikus | Jawi |
| Sep | 2 | Hari Raya Haji | | 3 | Paya Terubong | Sungai Acheh |
| | 9 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir | 10 | Kebun Bunga | Bukit Tengah |
| | 16 | Malaysia Day | | 17 | | |
| | 23 | Bayan Lepas | Machang Bubok | 24 | Batu Uban | Pinang Tunggal |
| Oct | 30 | Komtar | Pmtg Berangan | 1 | Bagan Dalam | Sungai Dua |
| | 7 | Air Itam | Teluk Air Tawar | 8 | Paya Terubong | Sungai Acheh |
| | 14 | Teluk Bahang | Penaga | 15 | Sungai Pinang | Sungai Puyu |

# Korupsi hanya persepsi: Apa kata Demokrat Muda?

Teks & Gambar : **PYDC**

**SEJAK** akhir-akhir ini, negara dikejutkan dengan beberapa siri pendedahan dan tangkapan membabitkan kes berprofil tinggi. Kes-kes ini, sama ada yang melibatkan penjawat awam kanan di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun negeri adalah amat menggemparkan semua pihak. Imej wang tunai bernilai ratusan ribu dan jutaan ringgit yang disorokkan di dalam almari rumah membangkitkan rasa marah dan kaget. Rasuah bukan lagi hanya duit kopi RM50 ketika ditahan polis kerana tidak memakai tali pinggang keselamatan ketika memandu.

Pihak yang berdepan dengan tuduhan-tuduhan rasuah ini sering pula mengatakan bahawa rasuah yang berlaku ini hanyalah kes-kes terpencil – bukannya kelaziman. Sebaliknya, pertuduhan-pertuduhan yang membabitkan kes-kes besar ini sebenarnya menunjukkan komitmen kerajaan dalam menangani rasuah.

Dikatakan juga, rasuah yang dikaitkan dengan parti politik pemerintah merupakan persepsi yang sengaja diolah untuk menjatuhkan reputasi kerajaan. Ada mendakwa bahawa rasuah turut membabitkan penjawat awam dan ahli politik dalam Kerajaan Negeri yang ditadbir oleh pembangkang.

Lalu bagaimana untuk kita memilih sikap dalam kemelut ini? Ada yang mengambil sikap:

"Ini semua propaganda pembangkang untuk memburukkan kerajaan" atau,

"Ini stratergi pemerintah untuk membina persepsi buruk terhadap pembangkang" atau,

"Ah, kerajaan mahupun rasuah juga, semua sama!"

Mana-mana sikap yang kita pilih di atas sama sahaja bahayanya – tidak membawa kita ke mana-mana. Maka, dalam isu ini, Demokrat Muda – satu siri latihan pendemokrasian untuk anak muda – menawarkan satu perspektif untuk melihat perkara ini dan seterusnya membentuk sikap kita. Isu sebenar yang harus diperhatikan adalah kesungguhan dalam membawa reformasi institusi (*institutional reform*).

Korupsi bukan dilawan dengan penguatkuasaan dan tangkapan semata-mata. Malah, berkait dengan penguatkuasaan.

Persoalan yang lebih penting dalam melawan korupsi adalah pencegahan. Ya, mencegah lebih baik daripada mengubati.



**PESERTA, Saudari Noor Ain Shiefa meminta kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam menangani masalah pengairan dan saliran ketika banjir khususnya di kawasan bandar.**

Rasuah dan salah guna kuasa berpunca daripada sistem yang gagal. Kita harus mempersoalkan sistem ini. Hal ini sangat penting, kerana rasuah bukan sekadar nilai individu semata-mata.

Tanpa perspektif struktural sebegini, kita akan diselewengkan daripada beberapa persoalan utama yang harus ditanyakan: Apakah kelemahan dalam sistem kerajaan yang membolehkan berlakunya rasuah ini dan adakah sistem yang sama juga digunapakai di jabatan, agensi, kementerian lain? Jika sistemnya sama, adakah hanya di negeri tertentu sahaja? Adakah siasatan yang sama telah dijalankan dalam organisasi kerajaan lain yang mengguna pakai sistem yang sama? Apakah jaminan sistem yang membolehkan amalan rasuah ini berlaku tidak membawa kesan yang sama pada organisasi lain?

Kita harus melawan sistem yang korup. Korup ini bukan masalah individu, sebaliknya sistemik dan struktural. Dalam sistem yang memiliki kuasa semak dan imbang yang berkesan (dalam hal kebertanggungjawaban dan ketelusan), seseorang yang memiliki niat jahat untuk berlaku korup sekalipun tidak akan mampu melakukannya kerana sistem tersebut tidak akan membenarkannya.

Inilah yang telah dilaksanakan oleh Pulau Pinang sejak ditadbir oleh kerajaan Pakatan. Pulau Pinang telah mengambil langkah pencegahan dengan menjadi negeri pertama yang mewajibkan barisan kepimpinan tertinggi kerajaan, Ketua Menteri dan Exco mengisyiharkan harta. Langkah progresif ini hanya dilaksanakan oleh Pulau Pinang dan Selangor.

Pulau Pinang juga telah meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 [Enakmen 16] yang telah diwartakan pada 2 Februari 2012 dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015. Langkah reformasi institusi ini sangat mustahak bagi memastikan pemantauan bukan sahaja dibuat oleh badan kerajaan yang lain, tetapi juga oleh orang ramai. Hanya kerajaan yang telus dan bertanggungjawab berani untuk membiarkan rakyat dan media untuk memantau mereka, bukan bersembunyi disebalik kata-kata dan sentimen.

Konsep inilah antara yang dikupas dalam bengkel Demokrat Muda anjuran PYDC melalui simulasi dan permainan interaktif dalam kumpulan. Para peserta akan didedahkan dan pelbagai konsep lain juga. Maka, **kepada mereka yang berminat sertailah Demokrat Muda dengan menghubungi Sekretariat di talian +6012-4010 186 atau email kepada** ***sidangmuda@gmail.com***. Jumpa anda di bengkel seterusnya!






**PESERTA, Mohd. Farid Mohd. Azmi (berdiri) mencadangkan kepada Kerajaan Negeri penambahan peruntukan Bajet 2017 pada aspek pembangunan belia dari skop pendidikan dengan menformalkan (*formalised*) mekanisme sebagai menggalakkan penglibatan dalam khidmat sosial, khususnya memberi kelas tambahan percuma kepada golongan pelajar sekolah.**



# Raikan kepelbagaian, hindari pemikiran sehala, seru Guan Eng

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PANTAI JEREJAK** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengingatkan seluruh warga kerja Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) supaya mengelak daripada bersifat kumpulan pemikiran sehala (*group thinking*), terutamanya dalam proses membuat keputusan.

Katanya, sifat tersebut kebiasaannya akan menyebabkan pembangunan sesebuah organisasi atau syarikat terjejas.

"Ini kerana, konsep pemikiran sehala ini menekankan pandangan sama, yang mana akan menyebabkan hanya terdapat satu penyelesaian sahaja untuk menyelesaikan masalah.

"Bagi sesebuah organisasi yang berjaya, mereka lebih menekankan perbezaan dan kepelbagaian pendapat supaya ada satu formula penyelesaian berlainan untuk mengatasi masalah.

"Kebanyakan syarikat-syarikat sekarang sama ada di peringkat antarabangsa, malah kebangsaan yang terdiri daripada syarikat-syarikat *Fortune 500* seperti Petronas kerap kali menggunakan sistem pengurusan paling canggih.

"Perkara yang mereka cuba hindarkan ialah konsep *group thinking* kerana kalau semua mempunyai pandangan yang sama, kita akan terlepas daripada permintaan pasaran," ucapnya pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri PDC di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), barisan Exco-exco Kerajaan Negeri dan Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC).

Seramai 19 remaja dari Rumah Kebajikan Anak Kesayangan Bukit Jambul turut diraikan pada majlis sambutan tersebut.

Justeru, untuk mendapatkan input-input bernas dan pandangan pelbagai, Guan Eng yang juga Pengerusi PDC menyeru supaya semua warga kerja perbadanan berkaitan meraikan kepelbagaian dan bergerak seiringan.

"PDC hanya boleh berjaya dan maju sekiranya bergerak sebagai satu pasukan, (PDC) ia tidak boleh bergantung kepada seorang sahaja, sebaliknya setiap kakitangan, pegawai dan pengurusan atasan perlu bergerak teguh bersama-sama," seru beliau.



**KETUA Menteri diiringi Rosli Jaafar (kiri sekali) menyampaikan sumbangan duit raya kepada salah seorang penerima pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri PDC di sini baru-baru ini.**





peningkatan | kehijauan,kekal | eksklusif

Nikmati Keindahan Alam Semulajadi

Mont Residence adalah kediaman mewah yang tenang dan disembunyi dari hiruk-pikuk bandar. Bayangkan dijemput oleh udara gunung yang segar dan kicauan burung pada pagi yang nyaman, kehidupan di Mont Residence adalah residensi yang terdekat dengan alam semula jadi tanpa menjejaskan kemudahan dan fleksibiliti kehidupan bandar.

Keluasan Binaan 1183 kps | Harga Minima RM 200,000 | Harga Maksima RM 1,050,000

Diskaun Bumiputera 5% | Unit 473

VST Group of Companies — Providing Quality Lifestyle

Pemaju
VISENTAK CAPITAL SDN BHD
Wisma VST, No.37, Jalan Anson, 11400 Penang
T 604-226 4087 F 604-227 8127 www.vstgroup.com.my

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi
012 499 6868 | 016 459 8080

SCAN UNTUK LOKASI

# Waktu kutipan parkir MBPP diseragam, kadar bayaran kekal

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PADANG KOTA –** Mulai 1 Julai 2017, semua waktu kutipan parkir bagi petak letak kereta milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) diseragamkan bermula dari jam 8 pagi hingga 6 petang pada setiap hari Isnin hingga Sabtu.

Waktu kutipan parkir juga merangkumi hari-hari kelepasan am dan cuti umum, manakala bagi hari Ahad adalah percuma.

Mantan Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail berkata, penyeragaman tersebut adalah hasil kaji-selidik awam dalam tempoh dua bulan sebelum ini mengenai waktu kutipan di kawasan parkir MBPP.

"Lanjutan itu, Majlis (MBPP) kini sedang memasang papan-papan tanda baharu dan pemasangan secara berperingkat ini akan mengambil masa kira-kira dua bulan membabitkan 600 papan tanda, yang mana bagi menggantikan 359 papan tanda hijau, biru (50) dan merah (488)," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang dan Ahli-ahli Majlis bagi MBPP.




**PATAHIYAH Ismail (bertudung), Ar. Yew Tung Seang (depan, empat dari kiri) dan Ahli-ahli Majlis MBPP merasmikan papan tanda penyeragaman waktu baharu di Jalan Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.**

Meskipun penyeragaman baharu dilaksanakan, kadar bayaran parkir masih kekal pada kadar 40 sen bagi setiap 30 minit.

# Penambahbaikan garis panduan atasi lambakan tadika, taska tiada permit sah

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) optimis dalam usaha membendung lambakan tadika dan taman asuhan kanak-kanak (taska) yang dipercayai tidak mempunyai permit melalui penambahbaikan garis panduan sedia ada untuk setiap pemajuan baharu di peringkat permohonan kebenaran merancang.

Perkara tersebut dimaklumkan Ahli Majlis MBPP, Nur Zarina Zakaria ketika membentangkan pengesahan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan pada Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) MBPP di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Nur Zarina ketika ditemui menjelaskan bahawa di bawah garis panduan baharu yang dicadangkan, setiap pemajuan baharu di peringkat permohonan kebenaran merancang melibatkan perumahan bertanah perlu diperuntukan sekurang-kurangnya sebuah rumah lot hujung yang mempunyai kompaun atau tanah lapang untuk dijadikan sebagai tadika dan taska.

"Contohnya, bagi setiap pembangunan perumahan bertanah baharu seperti rumah taman, rumah berkembar (semi-d) atau lot banglo, bagi setiap 20 hingga 40 unit buah rumah yang didirikan mestilah diperuntukan sekurang-kurangnya sebuah rumah lot hujung untuk dijadikan sebagai tadika dan taska.



**NUR Zarina Zakaria.**

"Lot hujung ini yang berkompaun atau mempunyai kawasan lapang perlu dikhususkan untuk kegunaan tadika dan taska sahaja, melainkan dalam jangka masa tertentu tiada pengusaha (tadika dan taska) yang berminat, maka ia tertakluk kepada dwi-kegunaan dan boleh ditukarkan sebagai kediaman mengikut syarat dan jangka masa yang ditetapkan Majlis.

"Walau bagaimanapun, MBPP belum memperincikan ketetapan masa (rumah) kegunaan tadika dan taska untuk ditukarkan kepada kediaman ekoran kebiasaannya permintaan terhadap rumah berkompaun untuk dijadikan tadika dan taska sememangnya tinggi dalam kalangan pengusaha," ujarnya selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan MBPP.

Ketetapan baharu tersebut telah mula berkuat kuasa pada penghujung Jun lalu.

Rasionalnya tindakan tersebut diperkenalkan, Nur Zarina menjelaskan bahawa panduan baharu tersebut dicadangkan setelah pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan mendapati kebanyakan daripada tadika serta taska di kawasan perumahan kini tidak mempunyai permit sah.

"Sebelum ini, Kerajaan Negeri pernah membuat program pemutihan tadika dan taska yang dipercayai tidak mempunyai permit.

"Apa yang kita (MBPP) dapati, kebanyakan daripada mereka (pengusaha) tidak mempunyai permit kerana salah satu kriteria untuk memohon permit ialah mendapatkan kebenaran jiran terlebih dahulu.

"Justeru, apabila cadangan ini dikuatkuasakan, pengusaha tadika dan taska tidak lagi perlu mendapatkan kebenaran jiran dan kediaman (jiran) di sebelah (tadika dan taska) tidak mempunyai hak untuk membuat bantahan ekoran sudah tertakluk di dalam syarat permohonan kebenaran merancang," jelas beliau.

# Larangan 10 jenis aktiviti perniagaan libat warganegara asing dikuat kuasa 1 Julai

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini melaksanakan kawalan ke atas beberapa jenis aktiviti perniagaan melibatkan warga asing dalam usaha membendung golongan berkaitan daripada mengambil alih sektor runcit di sini.

Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong berkata, Majlis melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam telah menggariskan 10 jenis larangan aktiviti perniagaan berasaskan perkhidmatan terhadap warga asing.

"10 jenis perniagaan berkenaan ialah kedai gunting rambut/kerinting rambut; dobi dan cuci kering; kedai perjudian (dikawal di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953); rumah convalesen dan tukang jahit.

"Selain itu, perniagaan yang turut dilarang, *cyber cafe/internet cafe*; salun muka, kecantikan dan kecergasan selain daripada jenis asli yang berasal dari luar Malaysia; rumah urut (pengusaha bukan pemilik hotel berlesen berkenaan); tempat letak kereta persendirian (pengusaha bukan pemilik tanah atau premis berkenaan) serta aktiviti hiburan yang dikawal di bawah Enakmen Hiburan dan tempat Hiburan Awam 1998," jelasnya selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP selepas Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) MBPP di sini baru-baru ini.

Selain larangan terhadap 10 jenis aktiviti perniagaan tersebut, jelas Ah Teong, terdapat beberapa jenis barangan dan makanan yang juga dilarang dijual oleh golongan berkenaan.

"Semua jenis makanan tempatan yang berasal dari negara ini dilarang sama sekali untuk dijual oleh warganegara asing.

"Bagi (warganegara asing) yang menjalankan kedai runcit dan pasar mini, mereka tidak boleh menyimpan, memproses, memotong, mempamer dan menjual barangan pasar seperti hasil air tawar, hasil laut, hasil daging serta unggas seperti ayam, itik, angsa, burung, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya termasuk barangan sejuk beku dari kategori ini," ujarnya.

Tambah Ah Teong, bagi kategori premis baharu warganegara asing yang beroperasi selepas tarikh penguatkuasaan garis panduan tersebut, ia mesti melebihi 100 meter jaraknya dari pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Komtar.

"Jalan-jalan dan kompleks membeli-belah yang dilarang untuk premis perniagaan baru adalah bangunan Komtar dan Komtar Walk, Prangin Mall, 1st Avanue Mall, Jalan Magazine, Jalan Penang (No. 495-D-525 & No. 2-458), Jalan Dr. Lim Chwee Leong, Jalan Gurdwara (No. 1-39 & No. 2-54), Jalan Ria, Lebuh Tek Soon, Lorong Bertam dan Kampung Deli.

"Manakala, bagi premis lama warganegara asing yang masih belum berlesen sebelum tarikh berkuatkuasanya garis panduan ini boleh dikekalkan dan meneruskan perniagaan, tetapi tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat pelesenan MBPP dari semasa ke semasa," katanya.

# Live Chat MBPP tingkat interaksi MBPP - umum

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini melancarkan saluran media sosial baharu dikenali Live Chat MBPP bagi memudahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan berinteraksi dengan orang awam.

Pelancaran platform terbaru tersebut disempurnakan oleh Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.



**CHOW Kon Yeow (barisan depan, kiri sekali) memerhatikan paparan web komunikasi *Live Chat* MBPP sambil ditemani Ar. Yew Tung Seang dan Ahli-ahli Majlis MBPP selepas majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang berkata, selaras dengan perkembangan teknologi maklumat semasa, MBPP kini mengorak langkah dengan memperkenalkan satu lagi *Internet of Things* (IoT) dalam sistem penyampaiannya, iaitu melalui saluran komunikasi yang lebih mesra rakyat.

"Orang awam boleh menggunakan kemudahan *live chat* yang terdapat di paparan muka hadapan laman web MBPP (*www.mbpp.gov.my*) melalui komputer ataupun telefon pintar masing-masing.

"Sebarang pertanyaan ataupun aduan boleh disalurkan pada setiap hari Isnin hingga Khamis dari jam 8 pagi hingga 1 petang dan 2 petang hingga 5 petang.

"Manakala, hari Jumaat adalah bermula pada jam 8 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 2.45 petang hingga 5 petang," jelasnya.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Menurut Tung Seang, setiap tahun, MBPP menerima lebih daripada 17,000 aduan dan pertanyaan yang mana sebilangan kecil daripadanya (aduan dan pertanyaan) dapat diselesaikan melalui respons segera.

"Mengikut penunjuk prestasi utama (KPI), terdapat aduan serta pertanyaan yang dapat diselesaikan secara spontan, dan terdapat juga memerlukan tempoh untuk penyelesaian.

"Justeru, dengan adanya saluran sebegini, masalah-masalah ringkas dapat diselesaikan secara terus.

"Bagi memastikan setiap aduan dan pertanyaan diuruskan dengan lancar, seorang kakitangan di setiap jabatan dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan hal-hal berbangkit mengikut keperluan jabatan masing-masing," ujarnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow percaya bahawa sistem penyampaian melalui saluran komunikasi yang lebih mesra rakyat tersebut akan mempertingkatkan jalinan antara MBPP dengan masyarakat dalam dan luar Pulau Pinang.

"Platform yang disediakan ini akan memberikan input kepada MBPP ataupun kritikan terhadap kelemahan (MBPP) yang dapat ditambah baik dari semasa ke semasa," kata beliau.

GLO-WALK 2017
A WALK IN THE PARK
22 JULAI 2017
6ptg - 10mlm
TAMAN BELIA
(Youth Park)
DAFTAR SEKARANG
Daftar online di
www.techdomepenang.org/glo-walk
04-2626663 or 016-411 9779
techdomepenang
glo-walk@techdomepenang.org
Endorsed by
Supported by
ActiveStyle

• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!
TANPA CAGARAN & PENJAMIN
PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG
SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan
RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH
MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN
HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# Tiga unit lif Blok C Padang Tembak beroperasi semula

**KEBUN BUNGA –** Tiga unit lif di Blok C, Perumahan Awam Padang Tembak yang terbakar pada Julai dan November 2016 kini sudah siap dibaiki sepenuhnya dan boleh digunakan.

Perkara tersebut diumumkan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo ketika melakukan lawatan kerja ringkas di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, kos pembaikan ketiga-tiga lif tersebut (L1,L2,L3) adalah melibatkan RM499,260 hasil sumbangan dana Kerajaan Negeri.

"L1 yang menelan belanja RM103,880 siap dan berfungsi sepenuhnya pada 30 Disember lalu, manakala L2 (19 Mei 2017) dan L3 juga telah siap dan diserahkan kepada Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri.

"Sukacitanya saya juga ingin umumkan, kerja-kerja pembaikan keretakan di Blok E dan J juga telah siap. Kontrak bernilai RM1,011,240.00 ini siap sebulan lebih awal daripada jangkaan.

"Malah, dari tahun 2010 hingga Jun 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM28.7 juta bagi kos penyelenggaraan dan naik taraf keseluruhan (enam) projek perumahan awam di seluruh negeri," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sesi lawatan tapak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Kah Peng dan Zairil ketika bercakap pada sidang media tersebut memuji tindakan pantas Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan isu-isu di kawasan berkenaan.



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan), Cheah Kah Peng (kanan sekali) dan Zairil Khir Johari (dua dari kiri) mencuba lif yang telah siap dibaiki pada sesi lawatan tapak di sini baru-baru ini.





| ORGANISASI | MASA | TALIAN |
|---|---|---|
| ***Penang Institute** 10, Jalan Brown,Georgetown, 10350 Georgetown, Pulau Pinang | Isnin – Jumaat: 9:00pg – 5:00ptg | 04-228 3306 |
| **JKKK Bukit Panchor Recycling Centre** Jalan Belatuk, Taman Pancur Mutiara, 14300 Nibong Tebal | 24 jam | Ms. Tan 012-566 8339 |
| **Taman Pandan Recycling Centre** Lorong Bunga Rampai 5, Taman Pandan, Butterworth | 24 jam | Ms. Loh 016-411 7813 |
| ***SK Balik Pulau** Balik Pulau, 11000, Balik Pulau, Pulau Pinang | Isnin – Jumaat: 8:30pg – 4:00ptg | En. Mohamad Saad Bin Ghazali 012-544 7957 |
| **Tzu Chi Lumba Kuda Recycling Education Centre** 8, Jalan Sekolah La Salle, Taman Lumba Kuda, 11400 George Town, Pulau Pinang | Isnin – Ahad: 9:00pg – 5:00ptg. Isnin Malam: 8:00mlm – 10:00mlm | Pengumpulan diuruskan oleh sukarelawan secara bergilir |
| **Tzu Chi Mohd Saad Recycling Education Centre** Lorong Berani 5, Kampung Bagan Jermal, 12300 Butterworth, Pulau Pinang | Isnin – Ahad 9:00pg – 5:00ptg | |
| **Tzu Chi Taman Sri Nibong Recycling Education Centre** Lebuh Bukit Kecil 1, Taman Sri Nibong, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang | Rabu, Jumaat, Sabtu & Ahad: 9:00pg – 5:00ptg | |
| **Tzu Chi JST Recycling Point** 316, Jalan Macalister, Pulau Tikus, 10350 George Town, Pulau Pinang | Setiap Hari: 8:00pg –5:00ptg | |

*Tertakluk kepada terma dan syarat.

PENANG GREEN COUNCIL Tingkat 46, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.
T : +604-250 3322 F : +604-250 3323 W : www.pgc.com.my E : info@pgc.com.my



# ADUN puji keraian tahunan ke-10 di Kampung Melayu

Gambar : **ADUN**

**AIR ITAM -** Pertandingan pakaian cantik kategori kanak-kanak, tarian serta nyanyian lagu-lagu tradisional antara acara menarik pada penganjuran Malam Kebudayaan dan Kesenian Kampung Melayu di kawasan kediaman rumah pangsa setempat di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai ketika berucap memuji inisiatif Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Melayu, kerana berjaya menganjurkan acara tahunan yang masuk kali ke-10 tersebut dalam suasana harmoni membabitkan pelbagai kaum.

"Walaupun struktur kediaman utama di Kampung Melayu ini adalah flat, tetapi acara kebudayaan dan kesenian dianjurkan tiap-tiap tahun sejak 10 tahun lalu telah menghidupkan semangat dan keharmonian ala perkampungan yang unik di sini.

"Seperti semangat Pengerusi JKKK Kampung Melayu, Saudara Md. Ariffin Abidin, saya akan terus memberi sokongan terhadap kesenian tempatan dan juga memberi perkhidmatan yang baik kepada komuniti (Kawasan Dewan Undangan Negeri, KADUN) di Air Itam," jelasnya yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri pada penganjuran berkaitan di sini 1 Julai lepas.

Selain itu, Hon Wai memberitahu, acara boria seharusnya diperbanyakan di peringkat negeri supaya menggamit minat serta partisipasi anak muda kepada identiti budaya Pulau Pinang kelak.

"Aktiviti kesenian dan kebudayaan, acara boria umpamanya akan memberi ruang pentas untuk penduduk tempatan khususnya anak muda menunjukkan bakat seni mereka," jelasnya.

Di samping itu, Hon Wai turut memuji inisiatif JKKK Kampung Melayu kerana berjaya menganjurkan siri Majlis Berbuka Puasa, Bazaar Ramadan dan Bintang Raya sepanjang bulan Ramadan dan Syawal.

Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), D. Kala antara pemimpin Kerajaan Negeri Pakatan Harapan yang menyertai majlis keraian tahunan di Kampung Melayu Air Itam tersebut.



**WONG Hon Wai (barisan belakang, kiri sekali), Ramkarpal Singh (barisan belakang, tiga dari kiri) dan D. Kala (barisan belakang, dua dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama peserta cilik penganjuran Malam Kebudayaan dan Kesenian Kampung Melayu di sini baru-baru ini.**

## ADUN puji usaha naik taraf lif antara penduduk, Kerajaan Negeri



**T. Jayabalan (dua dari kanan) bersama-sama kakitangannya dan wakil-wakil MC Taman Jubilee Suite 1 mencuba lif baharu yang dinaik taraf di sini baru-baru ini.**

**BATU UBAN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, T. Jayabalan memuji sikap keterbukaan Perbadanan Pengurusan (MC) dan penduduk Taman Jubilee Suite 1 dekat Taman Lip Sin dalam menjayakan projek naik taraf lif di sini.

Jayabalan yang ditemui sejurus majlis ringkas pembukaan semula operasi lif baru-baru ini berkata, kejayaan projek naik taraf tersebut menunjukkan jalinan baik antara penduduk dan Kerajaan Negeri.

"Projek naik taraf lif di sini adalah bukti kejayaan hubungan baik serta usaha antara penduduk dan Kerajaan Negeri.

"(Dan) saya gembira bagi pihak penduduk di sini kerana kini penduduk dapat menggunakan kemudahan lif ini dengan selesa, terutama warga emas, keluarga yang mempunyai anak-anak kecil dan orang kurang upaya (OKU) yang mana mereka tidak perlu lagi menaiki tangga sehingga tingkat enam.

"Terima kasih juga kepada Exco (Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan), Jagdeep Singh Deo kerana meluluskan permohonan peruntukan bagi membaiki lif di sini melalui Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang (TPM80PP)," ujarnya.

Rata-rata penduduk yang ditemui menzahirkan rasa gembira dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri.

Difahamkan kos keseluruhan projek naik taraf berkaitan adalah RM63,621,00 iaitu 80 peratus ditanggung oleh Kerajaan Negeri atau RM50,896.80 dan bakinya RM12,724.20, MC Taman Jubilee Suite 1.



# Bertanding melalui pilihan raya sah jika mahu 'rampas' Pulau Pinang - Guan Eng




(Dari kiri) KETUA Menteri, Mohd. Rashid Hasnon, Dr. Afif Bahardin dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong pada upacara pelepasan peserta I ❤ Penang Carnival & Fun Run di sini baru-baru ini.



ANTARA peserta yang mengambil bahagian.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PETALING JAYA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, mengingatkan pihak yang cuba 'merampas' Pulau Pinang daripada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) supaya bertanding melalui pilihan raya yang sah.

Katanya, hasrat tersebut tidak seharusnya dilaksanakan secara 'pengecut', iaitu dengan cubaan menjadikan Pulau Pinang sebagai Wilayah Persekutuan untuk ditadbir oleh Kerajaan Pusat secara terus.

"Biar ianya dipilih oleh rakyat, bukannnya dirampas dengan menjadikan Pulau Pinang sebagai Wilayah Persekutuan... biar rakyat Pulau Pinang yang tentukan, supaya Pulau Pinang boleh terus wujud dan kekal sebagai sebuah negeri berdaulat seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Jadi, hari ini kita akan berlari bersama-sama, menunjukkan sokongan yang kita sayangkan Pulau Pinang. Kita tidak akan balas benci dengan benci, tetapi kita akan balas benci dengan kasih sayang," ucapnya pada upacara pelepasan peserta I ❤ Penang Carnival & Fun Run dekat Central Park Avenue, Bandar Utama di sini 2 Julai lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin serta barisan kepimpinan PH.

Pada acara larian berkaitan, puluhan gerai makanan tradisi istimewa turut dibawa khas dari Pulau Pinang ke Central Park.

Acara yang mendapat sambutan lebih 2,000 penyertaan tersebut turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti belon udara panas, permainan kanak-kanak, gerai-gerai jualan dan pelbagai lagi.



BELON udara panas yang mencuri tumpuan.



SEBAHAGIAN peserta bermain dengan belon buih di tapak pameran yang diadakan.



HIASAN menarik yang direka bentuk khas.